

4 Mei 2017

## **KENYATAAN MEDIA**

*oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

## **WCS MENGURANGKAN PENGGUNAAN DOMESTIK DAN MENGALAKKAN KONSERVASI AIR**

- **Dalam tempoh 2011 – 2016, WCS telah menghentikan peningkatan penggunaan domestik Pulau Pinang kepada 200 liter/kapita/hari (l/k/h).**
- **WCS menyokong dasar ‘tiada catuan’ Pulau Pinang.**
- **Pada tahun 2017, pengguna domestik Pulau Pinang digalakkan secara sukarela untuk kurangkan 10% penggunaan air di rumah.**

PULAU PINANG, Khamis, 4/5/2017: Objektif utama surcaj pemuliharaan air (WCS) adalah untuk menggalakkan 504,400 pengguna air domestik di Pulau Pinang untuk jimat menggunakan air di rumah.

Sebagai inisiatif pengurusan permintaan air, WCS mengelak penggunaan per kapita negeri Pulau Pinang daripada meningkat kepada, atau melebihi, 300 liter/kapita/hari (l/k/h).

Dalam tempoh 2000 - 2010, penggunaan domestik per kapita di Pulau Pinang meningkat daripada 255 l/k/h kepada 291 l/k/h. Ini mencerminkan purata peningkatan 1.28% setahun dalam tempoh 11 tahun. Berdasarkan trend pertumbuhan 1.28% ini, penggunaan domestik per kapita akan menjadi 295 l/k/h pada tahun 2011, 299 l/k/h pada tahun 2012 dan 303 l/k/h pada tahun 2013.

Pada 1/11/2010, WCS diperkenalkan pada kadar RM0.24 bagi setiap 1,000 liter, bagi penggunaan domestik melebihi 35,000 liter sebulan. Pada 1/9/2013, ia telah dilaraskan kepada RM0.48 bagi setiap 1,000 liter, bagi penggunaan domestik melebihi 35,000 liter sebulan.

Hasilnya, penggunaan domestik per kapita di Pulau Pinang berjaya dikawal kepada 286 l/k/h pada tahun 2016.

*Sila rujuk APPENDIX A: PER CAPITA DOMESTIC CONSUMPTION IN PENANG (l/c/d) and THE IMPACT OF WCS.*

## **TARIF DAN PENGGUNAAN DOMESTIK**

Terdapat hubung kait antara tarif domestik dan penggunaan air domestik per kapita. Pengguna air domestik kurang menggunakan air jika mereka perlu membayar lebih untuk bekalan air.

Oleh kerana penggunaan domestik per kapita adalah berdasarkan penggunaan air domestik dibahagikan dengan penduduk, kita lihat kepada 6 negeri di Malaysia, yang dilaporkan liputan bekalan air 99% atau lebih untuk perbandingan yang tepat.

Di Johor, purata tarif domestik bagi setiap 1,000 liter, untuk 35,000 liter pertama setiap bulan, adalah RM1.31. Penggunaan domestik per kapita di Johor adalah 221 l/k/h pada tahun 2015.

Di Melaka, tarif domestik purata adalah RM0.89 bagi setiap 1,000 liter. Penggunaan domestik per kapita adalah 235 l/k/h pada tahun 2015.

Di Pulau Pinang, purata tarif domestik adalah RM0.32 bagi setiap 1,000 liter. Penggunaan per kapita kita adalah 286 l/k/h pada tahun 2016.

*Sila rujuk to APPENDIX B: DOMESTIC WATER TARIFFS (first 35,000 litres per month) and PER CAPITA DOMESTIC CONSUMPTION FOR 6 MALAYSIAN STATES (99% or higher water supply coverage) and SINGAPORE.*

## **SASARAN 257 L/K/H BAGI TAHUN 2017**

Pada 28/4/2017, kami telah mengemukakan permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk pelarasan WCS kepada RM1.00 bagi setiap 1,000 liter.

Berbanding menaikkan tarif, Pulau Pinang sebaliknya memohon untuk melaraskan WCS. Pelarasan WCS bertujuan untuk meyakinkan 25% daripada pengguna domestik yang menggunakan lebih daripada 35,000 liter air sebulan, untuk menjimatkan air.

WCS TIDAK memberi kesan kepada 75% pengguna domestik yang menggunakan kurang daripada 35,000 liter sebulan. Ia TIDAK menjejaskan 85,397 pengguna kategori perdagangan di Pulau Pinang.

Matlamat keseluruhan adalah untuk mengurangkan penggunaan domestik sebanyak 10%, daripada 286 l/k/h pada tahun 2016 kepada 257 l/k/h pada tahun 2017.

### **SEMUA PERLU MENGURANGKAN PENGGUNAAN 10%**

Pada ketika WCS dinaikkan, kami juga merayu kepada SEMUA 504,400 pengguna air domestik berdaftar di Pulau Pinang untuk menggunakan air dengan bijak di rumah pada tahun 2017. Walaupun anda menggunakan kurang daripada 35,000 liter sebulan, sila bantu kami untuk mencapai sasaran 257 l/k/h dengan mengurangkan penggunaan air 10% di rumah.

Sasaran 257 l/k/h telah ditetapkan agar semua pengguna domestik yang menjimatkan air untuk mengelakkan catuan di Pulau Pinang. **Keutamaan kami ialah tiada catuan.**

Kita perlu memastikan kita boleh mempunyai air yang mencukupi untuk semua di Pulau Pinang sehingga tahun 2020 kerana Projek Pembesaran Empangan Mengkuang dan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak telah ditangguhkan oleh Kerajaan Persekutuan. Dalam pada itu, Kedah masih membenarkan pembalakan pokok di Ulu Muda, kawasan tadahan air bagi Sungai Muda.

Kami tidak meminta pengurangan yang drastik. Kami hanya meminta pengurangan 10% sahaja.

257 l/k/h bukan sasaran sukar. Harus diingat: penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang adalah 255 l/k/h pada tahun 2000, kira-kira 17 tahun yang lalu.

Negeri lain yang mengenakan bayaran yang lebih untuk bekalan air domestik telah mencapai kurang daripada 250 l/k/h. Marilah kita buktikan kepada mereka bahawa Pulau Pinang mampu mencapai 257 l/k/h pada tahun 2017 dengan tarif domestik terendah di Malaysia.

Terima kasih.

*Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).*

---

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)




**PBA**

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

**APPENDIX A: PER CAPITA DOMESTIC CONSUMPTION IN PENANG (l/c/d) and THE IMPACT OF WCS.**





**PBA**

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

**APPENDIX B: DOMESTIC WATER TARIFFS (1st 35,000 litres per month) and PER CAPITA DOMESTIC CONSUMPTION FOR 6 MALAYSIAN STATES (99% or higher water supply coverage) and SINGAPORE.**

